

UTHM, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jalin kerjasama

# Bangunkan masyarakat desa



HASAN Malek (dua dari kanan) dan Mohd. Noh. Dalimin (kanan) mendengar penerangan daripada seorang peserta TechRural mengenai produk desa di UTHM, Batu Pahat, kelmarin.

Oleh HAMDAN TAWADI

utusanjohor@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 20 Nov. - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menjalin kerjasama dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk membangunkan masyarakat desa.

Antara kerjasama tersebut adalah mengadakan Ekspo Teknologi Inovasi Desa 2012 (TechRural) yang menjadi wadah kepada para penyelidik, pereka cipta dan pengusaha untuk memamerkan produk masing-masing.

Timbalan Menterinya, Datuk Hasan Malek berkata, kerjasama dengan UTHM dalam TechRural melibatkan pemindahan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini, selain melakukan pelbagai penyelidikan.

“Dengan sasaran mewujudkan Desa Berkualiti pada 2016, penyelidikan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) perlu berterusan kepada industri desa, kecil dan sederhana agar pembangunan masyarakat desa dapat dilakukan dengan cemerlang.

“Selain penyelidikan, masyarakat desa juga perlu memajukan diri dengan menyertai beberapa program yang dianjurkan seperti latihan, bimbingan usahawan, pemasaran serta promosi.

“Dengan gabungan penyelidikan oleh IPT tempatan dan usahawan desa, kementerian yakin produk luar bandar ini akan mampu bersaing untuk menembusi pasaran tempatan serta antarabangsa,” katanya selepas merasmikan TechRural 2012 di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, UTHM semalam.

Yang turut hadir Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Noh Dalimin.

Hasan berkata, perkembangan inovasi teknologi desa perlu disertakan dengan sasaran atau tema yang menitikberatkan teknologi hijau yang memberi fokus kepada alam sekitar.

Beliau berkata, sejakar dengan Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan, pelbagai bidang perlu dirangka sebaik mungkin dan sektor yang dilihat berpotensi adalah berdasarkan pertanian, sektor makanan, pembuatan dan penghasilan.

“Saya berharap pihak yang terlibat dapat mempersiapkan diri untuk mempunyai nilai kreatif, penyelidikan serta rajin membuat kertas kerja untuk memajukan sektor yang diceburi.

“Saya puji tindakan UTHM ini yang bersungguh-sungguh membantu pembangunan industri masyarakat desa menerusi kajian yang dilakukan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP),” katanya.